

**PELAKSANAAN KOD ETIKA ISLAM DALAM ORGANISASI:
KAJIAN KES LEMBAGA TABUNG HAJI**

Nor `Azzah binti Kamri

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan,
Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang;

E-mel: azzah@um.edu.my; azzahk@gmail.com; **Tel:** 012-2837643;

Tahap Pengajian: Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.

Pelaksanaan kod etika Islam dalam organisasi menuntut inisiatif pihak atasan dan pihak bawahan organisasi berkenaan. Inisiatif di pihak atasan merujuk kepada langkah pihak pengurusan organisasi membentuk kod etika khusus untuk kegunaan organisasi, menguatkuasa dan menyebarkanluaskannya dalam kalangan kakitangan organisasi. Inisiatif di pihak bawahan pula merujuk kepada kefahaman, sambutan dan penerimaan kakitangan organisasi terhadap langkah-langkah pelaksanaan kod etika yang diambil.

Kertas kerja ini akan meneliti pelaksanaan kod etika Islam di institusi Tabung Haji yang telah cuba dilakukan oleh kedua-dua pihak atasan dan bawahan ini. Kajian lapangan telah dijalankan di Ibu Pejabat Tabung Haji dan pejabat-pejabat cawangan Tabung Haji terpilih di Semenanjung Malaysia. Ia menggabungkan teknik temu bual berstruktur dengan pihak pengurusan Tabung Haji dan edaran soal selidik kepada kakitangan Tabung Haji.

Hasil kajian mendapati Tabung Haji telah pun membentuk kod etika tersendiri yang dinamakan Nilai dan Etika Kerja Tabung Haji (NEKTH). Pelbagai inisiatif dan mekanisme telah diambil oleh pihak pengurusan Tabung Haji untuk melaksanakan NEKTH. Ia meliputi mekanisme berbentuk fizikal dan spiritual yang diterjemahkan dalam bentuk projek, program dan aktiviti NEKTH. Hasil kajian juga mendapati kefahaman dan sambutan kakitangan terhadap NEKTH adalah pada tahap yang memuaskan. Ia terbukti menerusi maklum balas para responden berhubung aspek pengetahuan, sumber mahupun sebab mereka melaksanakan NEKTH. Walau bagaimanapun, permasalahan yang dihadapi sebahagian responden sepanjang pelaksanaan NEKTH memberi petanda bahawa organisasi perlu mengambil langkah lebih agresif bagi meningkatkan lagi pelaksanaan NEKTH.